



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
جَلَّ جَلَّ مَنْزِلُهُ بِالْعِزَّةِ الْمُتَّعِّدِ بِالْمُلْكِ الْمُمْكِنِ

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI PAHANG DARUL MAKMR.

Tingkat 3, 5, & 6,
Blok B, Wisma Sri Pahang,
25503 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel. : 09-512 6800
Fax. : 09-513 4839
Email : pkn@pahang.gov.my

#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.SPA 100-1/1.9/1 Jld. 2 (22)
Tarikh : 21 Januari 2021

SENARAI EDARAN

Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan,

PEMBELIAN ASET DI BAWAH PERUNTUKAN MENGURUS OS 35000

Dengan hormatnya izinkan saya menarik perhatian Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Seperti mana pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan sedia maklum, Surat Edaran PERB.PHG.06/001/47 (10) bertarikh 30 April 2016 telah dikeluarkan sebagai panduan umum permohonan perolehan aset OS 35000, di bawah 'One Off' peruntukan mengurus tahunan. Walau bagaimanapun, bagi menambahbaik dan memastikan pembelian aset dapat dilaksanakan dengan cepat dan cekap, pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk selaraskan tindakan seperti berikut:

- a) Penurunan Kuasa Perpendaharaan kepada Pegawai Pengawal melalui **Pekeliling Perpendaharaan PP/ PB 2.2 Pembelian Harta Modal** adalah dirujuk. Jabatan adalah diminta untuk **menggunapakai dan mematuhi pekeliling berkenaan sepenuhnya**. Laporan pembelian harta modal **MESTI** dihantar ke Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri Pahang sebagaimana di perkara 2.2.3 pekeliling tersebut;
- b) Pembelian aset yang telah diluluskan di bawah bajet tahunan perlu dilaksanakan selaras dengan **PP/ PK 2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan**. Pembelian terus **MESTI** disokong dengan sekurang-kurangnya **tiga tawaran harga** daripada pembekal untuk perbandingan harga dan kajian pasaran;
- c) Pembelian aset bagi item Kontrak Pusat dan Kontrak Panel Berpusat **MESTI** dilaksanakan dengan pembekal atau kontraktor yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan** manakala pembelian di luar kontrak pusat perlu mendapat **KELULUSAN** daripada **Pegawai Kewangan Negeri** dengan justifikasi yang benar-benar kukuh dan munasabah;

- d) Pembelian item selain daripada yang telah diluluskan di bawah bajet tahunan, permohonan pembelian aset menggunakan lebihan baki peruntukan OS 35000 di bawah bajet tahunan dan lain-lain pembelian aset selain yang dinyatakan di atas perlu mendapat **KELULUSAN KHAS** daripada **Seksyen Belanjawan, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang** dengan menggunakan format seperti di Lampiran A1 atau A2.
3. Kerjasama daripada Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan adalah dengan hormatnya dipohon untuk sentiasa mematuhi pekeliling dan arahan yang sedang berkuat kuasa bagi memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan Kerajaan sentiasa dipertingkatkan. Surat edaran ini membatalkan surat edaran terdahulu Ruj. No. PERB.PHG.06/001/47 (10) bertarikh 30 April 2016.
4. Perhatian dan kerjasama pihak Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/ YB Dato' Sri/ YH Dato/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(**DATO' INDERA NAZRI BIN ABU BAKAR, SIMP., DSAP., DIMP., SMP.**)
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
PAHANG DARUL MAKMUR